

Headline
Date
MediaTitle
Section
Journalist
Frequency
Circ / Read

Sukarelawan UNICEF tamat Kursus
21 Jan 2010
Kosmo
Negara
N/A
Daily
108,796 / 406,000

Language
Page No
Article Size
Color
ADValue
PRValue

Malay
15
140 cm²
Full Color
1,217
3,652



MOHD. AZHARI (depan, dua dari kanan) beramah mesra dengan peserta Skwad Sukarelawan Rakan Muda (MAC-UNICEF) yang menamatkan kursus di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Sukarelawan UNICEF tamat kursus

BERKHIDMAT. Seramai 30 anggota Skwad Sukarelawan Rakan Muda (MAC-UNICEF) menamatkan kursus Siri Ketiga Program Rakan Muda di ibu negara baru-baru ini.

Mereka antara ahli paling awal yang berjaya menamatkan kesemua siri dan kini bakal menjadi mentor

kepada skuad sukarela kategori HIV/AIDS yang sama di negeri masing-masing.

MAC-UNICEF merupakan skuad khusus bagi aktiviti Majlis AIDS Malaysia dan Dana Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Pengarah Cawangan Gaya Hidup, Bahagian

Pembangunan Rakan Muda, Kementerian Belia dan Sukan, Mohd. Azhari Mohammed pada majlis penutup kursus itu meminta ahli-ahli skuad berkenaan agar benar-benar ikhlas menjayakan aktiviti dan program tanpa terlalu mengharap kepada imbuhan.